

21 JUN 1996

Umno-Sanusi

UMNO LANGKAWI HARAP SANUSI DAPAT BANTU TANGANI ISU PENGAMBILAN TANAH

LANGKAWI, 21 Jun (Bernama) -- Umno Bahagian Langkawi berharap Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah, Datuk Seri Sanusi Junid yang telah dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baru dapat membantu mempercepatkan penyelesaian isu pengambilan tanah di pulau ini.

Ketuanya Datuk Haji Abu Bakar Taib berkata sebagai wakil rakyat pulau ini, sudah tentu Sanusi dapat memahami isu itu dengan lebih mendalam hasil hubungan terus dengan penduduk Langkawi.

"Kita yakin bahawa dengan kemampuan dan ketajaman fikiran Sanusi, isu pengambilan tanah di sini yang masih belum selesai seperti di Kuala Teriang dapat ditangani dengan baik," katanya kepada pemberita di sini.

Abu Bakar yang juga Anggota Parlimen Langkawi berkata, Umno bahagian itu akan memberi kerjasama dalam segala hal dan bentuk bagi membantu Sanusi menangani isu berkenaan.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantik bekas Menteri Pertanian itu, beliau berharap Kedah dan Langkawi khasnya akan bertambah maju di bawah pimpinan Sanusi.

Abu Bakar yang turut mewakili seluruh anggota Umno Langkawi mengucapkan tahniah kepada Sanusi atas perlantikan beliau itu.

Ditanya mengenai perkembangan bahagian pimpinannya selepas perlantikan Sanusi, beliau berkata meskipun pernah berlaku sedikit ketegangan antaranya dengan Menteri Besar baru itu namun ia tidak menjejaskan keutuhan parti.

Abu Bakar berkata beliau akan mencuba sedaya-upaya untuk memperbaiki keadaan dengan menyatukan semula anggota-anggota Umno bahagian itu yang kelihatan berpecah.

"Oleh itu saya memohon kerjasama dan meminta seluruh anggota Umno Langkawi baik yang mengaku menjadi penyokong saya mahupun yang menyebelahi Sanusi supaya dapat bersama-sama bermaafan dan bersatu semula demi parti.

"Jika selama ini kita berpegang pada kata-kata bahawa kita menyokong sesiapa sahaja yang dilantik sebagai Menteri Besar Kedah, maka inilah masanya untuk kita mengotakan kata-kata itu," katanya.

Perkembangan Umno Langkawi menjadi perhatian negara apabila Sanusi gagal mempertahankan jawatan ketua bahagian pada pemilihan yang diadakan pada Oktober lepas.

Beliau tewas kepada Abu Bakar, yang sebelum itu adalah timbalan ketua bahagian yang memperolehi kelebihan 12 undi dan yang menarik perhatian ialah khabar angin ketika itu bahawa Sanusi akan dilantik sebagai Menteri Besar baru menggantikan Tan Sri Haji Osman Aroff.

Ditanya sama ada beliau boleh berkerjasama dengan Sanusi sedangkan dia tidak memegang sebarang jawatan dalam Umno bahagian, Abu Bakar berkata: "Perkara itu tidak timbul kerana sudah jelas Sanusi adalah Menteri Besar dan semua pihak terutamanya anggota Umno tidak mempunyai sebab untuk tidak dapat berkerjasama dengan beliau,". -- BERNAMA

ZAA PR